

KEMPEN NIKMATI FAEDAH/KEUNTUNGAN BONUS DENGAN CIRI PELBAGAI MATA WANG

Dikemas kini pada 3 Mei 2024

TEMPOH KEMPEN

Kempen Nikmati Faedah/Keuntungan Bonus dengan Ciri Pelbagai Mata Wang Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“**HLISB**”) (secara kolektif disebut “**Bank**”) (“**Kempen**”) bermula pada 04 Februari 2024 dan berakhir pada 28 Februari 2025 (“**Tempoh Kempen**”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“**T&S**”) adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. “**Akaun-akaun Sertaaan**” bagi Kempen ini adalah:
 - (a) Akaun HLB Pay&Save;
 - (b) Akaun HLISB Pay&Save-i;
 - (c) Akaun HLB Wallet; dan
 - (d) Akaun HLISB Wallet-i.
2. Kempen ini terbuka kepada pemegang akaun individu Bank yang baharu dan sedia ada, warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia, bagi Akaun-akaun Sertaaan (“**Pelanggan Layak**”).
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga atau dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen ini.

KAEDAH KEMPEN & PEMENUHAN SYARAT

4. Pelanggan Layak yang mendeposit dana ke dalam salah satu atau lebih Mata Wang Asing Layak Akaun Sertaaan seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah berhak untuk menikmati faedah/keuntungan bonus atas baki akhir harian Mata Wang Asing Layak berkenaan pada kadar mengikut Jadual 1 di bawah ini (“**Faedah/Keuntungan Bonus**”), tertakluk pada syarat-syarat dalam Klausula 6 dan 8:

Jadual 1

Mata Wang Asing Layak	Kadar Faedah/Keuntungan Bonus	Tempoh
(i) AUD	4.00% setahun	04 Februari 2024 – 30 Jun 2024
(ii) GBP	3.50% setahun	01 Julai 2024 – 28 Februari 2025
(iii) USD		

5. Bagi mengelakkan keraguan, mata wang asing yang tidak layak adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

(i) CAD	(vi) NZD
(ii) CNH	(vii) THB
(iii) EUR	(vii) SAR
(iv) JPY	(viii) HKD
(v) SGD	

6. Faedah/Keuntungan Bonus dikira dan diakru secara harian berdasarkan baki akhir harian dan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan dalam mata wang asing berkenaan pada hari terakhir setiap bulan, tertakluk pada perkara berikut:
- (a) Baki akhir harian bagi setiap deposit Mata Wang Asing Layak mestilah minimum 1,000 dalam setiap Mata Wang Asing Layak. Jika baki akhir harian minimum tidak dipenuhi untuk mana-mana hari semasa Tempoh Kempen, maka Pelanggan Layak tidak akan menikmati apa-apa Faedah/Keuntungan Bonus atas baki akhir harian Mata Wang Asing Layak bagi hari tersebut; dan
 - (b) Pelanggan Layak hanya berhak menikmati Faedah/Keuntungan Bonus atas setiap deposit Mata Wang Asing Layak setakat jumlah 200,000 dalam setiap Mata Wang Asing Layak. Pelanggan Layak tidak berhak menikmati Faedah/Keuntungan Bonus atas mana-mana deposit Mata Wang Asing Layak yang melebihi 200,000.
7. Bagi mengelakkan keraguan, pengiraan Faedah/Keuntungan Bonus adalah seperti berikut:

$$\text{Faedah/Keuntungan Bonus} = \text{Baki Akhir Harian} \times \text{Masa (T)} \times \text{Kadar (R)}$$

Nota:

Baki Akhir Harian = Baki akaun pada penghujung hari

Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan tersebut berdasarkan 360 hari setahun bagi AUD & USD; 365 hari setahun bagi GBP

Kadar (R) = Kadar Faedah/Keuntungan Bonus

8. Bagi tujuan patuh Syariah, Pelanggan Layak telah memberi keizinan kepada HLISB untuk menggunakan amaun Baki Akhir Harian yang layak sebagai harga belian bagi tujuan Perdagangan Komoditi untuk memudahkan pembayaran Keuntungan Bonus.
9. Pelanggan Layak wajib menghubungi Bank jika tidak menerima Faedah/Keuntungan Bonus sebelum akhir bulan yang berikutnya selepas pembayaran Faedah/Keuntungan Bonus. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Layak dianggap telah menerima Faedah/Keuntungan Bonus dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik kemudiannya tidak akan dilayani.
10. Bagi mengelakkan keraguan, Akaun Sertaan Pelanggan Layak **MESTILAH** kekal sah/aktif dan berkedudukan baik sebelum tarikh pengkreditan berikut untuk layak menikmati Faedah Bonus/Kadar Keuntungan. Pelanggan Layak juga mestilah tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma & Syarat Akaun Sertaan, Terma & Syarat Kad Debit/Kad Debit-i dan Terma & Syarat Penggunaan HLB Connect (secara kolektif disebut "**Terma dan Syarat Terpakai**") dan semua undang-undang terpakai termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Notis Dasar Pertukaran Asing ("**Undang-undang Terpakai**"), jika tidak kelayakan Pelanggan Layak untuk menyertai Kempen ini akan terlucut secara automatik.
11. Sekiranya Pelanggan Layak menutup Akaun Sertaan mereka sebelum tarikh pengkreditan faedah/keuntungan, maka Pelanggan Layak hanya berhak menikmati Faedah/Keuntungan Bonus secara pro-rata yang dikira setakat tarikh penutupan Akaun Sertaan itu. Selaras dengan Terma dan Syarat Akaun Sertaan, semua mata wang asing dalam Akaun Sertaan akan ditukar kepada Ringgit Malaysia sebelum penutupan akaun tersebut.
12. Pelanggan Layak yang ingin menutup Akaun Sertaan mereka sebelum tarikh pengkreditan Faedah/Keuntungan Bonus dihendaki datang ke mana-mana Cawangan HLB/HLISB untuk bantuan.

UMUM

13. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak:
- (a) mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Terpakai;

- (b) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah tepat, muktamad serta mengikat ke atas semua Pelanggan Layak;
- (c) bersetuju untuk mengakses laman sesawang HLB di www.hlb.com.my/laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my (secara kolektif disebut “**Laman Sesawang Bank**”) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S;
- (d) bersetuju bahawa Faedah/Keuntungan Bonus tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit, cek atau manfaat barangan; dan
- (e) bersetuju untuk dipertanggungjawabkan dan menanggung semua cukai, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang berkenaan yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

14. Bank berhak:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang dipaparkan di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Kempen, dengan memaparkan penambahan, pengguguran atau pemindaan T&S atau penamatan Kempen ini dalam Laman Sesawang Bank setelah terlebih dahulu memberi notis kepada Pelanggan Layak;
- (b) melucutkan kelayakan Pelanggan Layak yang:
 - (i) sebelum ini ada melakukan, atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan sebarang kemudahan yang diberi oleh Bank;
 - (ii) sedang menghadapi prosiding kemuflihan, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Terpakai dan/atau Undang-undang Terpakai pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
- (c) melupuskan dan menarik balik apa-apa Faedah/Keuntungan Bonus yang dibayar sekiranya berlakunya penipuan dan ketidakpatuhan kepada mana-mana T&S Kempen ini.

15. Selain T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai satu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di sini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

16. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang ditetapkan di sini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Kempen ini, maka T&S yang dipaparkan di Laman Sesawang Bank hendaklah diutamakan.

17. T&S Kempen ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

18. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk juga jamak, dan begitu juga sebaliknya.

SILA AMBIL PERHATIAN:

Pengendalian, sumber dan penggunaan dana keluar masuk Akaun Diaktifkan MCF adalah tertakluk pada Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (“**IFCA**”) di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“**BNM**”).

Produk-produk Deposit-i adalah akaun deposit yang berlandaskan kontrak Syariah Tawarruq.

Ahli PIDM. Akaun-akaun Sertaan dilindungi PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk-produk Layak Mendapat Perlindungan PIDM](#)).

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai T&S ini, sila utus emel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.